

DATE: 3/3 / 2008

RM427j majukan kaum India

Oleh ZAINI RABAN

SUNGAI SIPUT 2 Mac - Kerajaan Barisan Nasional (BN) memperuntukkan RM427 juta khusus untuk memajukan masyarakat India di negara ini agar tidak ketinggalan daripada arus pembangunan.

Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu berkata, bantuan bagi membela nasib kaum India itu telah bermula sejak 2001 hingga 2010 dan bukan dilakukan semata-mata untuk menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-12.

"Salah satu sumbangan terbesar kerajaan BN adalah pemberian geran RM300 juta bagi pembinaan Universiti Asian Institute of Medicine, Science and Technology (AIMST) di Kedah.

"Bagi projek universiti pertama milik MIC itu kita keluarkan wang sendiri RM180 juta, ia merupakan universiti pertama milik masyarakat India yang dibina di luar negara India," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Beliau menyatakan demikian ketika mengulas dakwaan pembangkang yang giat mempengaruhi masyarakat India dengan mendakwa kerajaan BN langsung tidak membantu meningkatkan taraf hidup kaum itu.

Samy menjelaskan, dakwaan pembangkang itu adalah tidak benar sama sekali kerana selain projek pembinaan AIMST, kerajaan BN melakukan banyak lagi prog-

ram pembangunan modal insan dan projek ekonomi bagi masyarakat India.

Kata beliau, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil adalah antara yang paling banyak menerima bantuan iaitu RM100 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Katanya, MIC juga mengeluarkan peruntukan awal RM8 juta bagi membina Kolej TAFE di Seremban yang sehingga kini melahirkan 44,000 profesional dalam pelbagai bidang.

Menurut beliau, masalah kuil Hindu juga tidak pernah diabaikan kerana bantuan RM1 juta disalurkan oleh kerajaan Pusat pada setiap tahun, selain peruntukan tanah bagi memindahkan kuil-kuil tertentu.

"Malah pada masa ini kerajaan BN telah memberi peluang kepada pelajar India memasuki Maktab Rendah Sains Mara dan Pusat Giat Mara yang selama ini hanya dikhaskan kepada kaum bumiputera.

"Itu adalah sebahagian daripada bantuan kerajaan BN kepada masyarakat India dan kita ada banyak lagi bantuan lain, saya jamin BN akan teruskan bantuan itu dari semasa ke semasa," ujarnya.

Samy menambah, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan pemimpin terdahulu juga amat prihatin dengan nasib semua kaum dengan memberi peluang kepada semua pemimpinnya membangkitkan masalah masing-masing.

Justeru, katanya, pihak pembangkang



S. SAMY Vellu menunjukkan risalah penerangan yang dikeluarkan parti itu mengenai pelaksanaan projek pembangunan untuk masyarakat India ketika sidang media di Sungai Siput, Perak, semalam.
- Bernama

perlu membuka mata dan melihat sendiri apa yang telah dilakukan oleh BN untuk memajukan masyarakat India dan tidak membuat tuduhan secara membabi-buta.

Beliau juga percaya pihak pembangkang tidak akan mampu berbuat sedemikian dengan memberi contoh kerajaan Pas di Kelantan yang gagal melaksanakan pembangunan sejak memerintah negeri itu 18 tahun lalu.

"Jadi, kalau masyarakat India terpenga-

ruh dengan kata-kata pembangkang mungkin segala pembangunan yang mereka kecapi sekarang akan hilang, pembangkang sebenarnya yang tidak membela nasib masyarakat India.

"Tetapi saya fikir masyarakat India lebih bijak untuk menilai dan tidak mudah terpengaruh dengan tuduhan pembangkang. Kuasa adalah di tangan rakyat dan mereka akan memilih yang terbaik," katanya.